

---

## PENGGUNAAN ICT BAGI MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA MURID

---

Nor Zakiah Arif  
Nurhani Idris

Sekolah Rendah Pei Tong

### Abstrak

Keupayaan untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu sering menjadi cabaran bagi para guru. Kemahiran membaca merupakan kemahiran asas bagi murid sekolah rendah. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti akan keberkesanan Portal Web AKSARA dalam meningkatkan potensi murid dalam kemahiran membaca dalam keadaan pembelajaran dan persekitaran yang santai dan menyeronokkan. Dengan lebih ramai murid yang celik ICT, penggunaan portal web dalam pengajaran untuk menilai kemahiran membaca serta menguji pemahaman murid tentang kandungan maklumat dalam teks bacaan amat bersesuaian dan penting. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pencapaian murid dalam kemahiran membaca amat positif.

## Pengenalan

Membaca merupakan kemahiran penting yang perlu dimiliki murid pada peringkat awal usia lagi. Mereka yang menunjukkan kebolehan membaca ayat-ayat mudah dengan lancar serta memahami sekumpulan perbendaharaan kata asas akan berada dalam kedudukan meyakinkan jika dibandingkan dengan murid-murid yang belum menguasainya.

Membaca juga dilihat sebagai kebolehan seseorang mengenalpasti bentuk visual dan menjalinkan hubungan antara bentuk dengan bunyi dan melalui pengalaman serta berupaya menilai maksudnya.

Menurut Jean Piaget (Berk, 2006), dalam lingkungan usia dua hingga tujuh tahun, perkembangan kebolehan mental kanak-kanak akan menjadi lebih sempurna jika dididik dengan betul. Tidak hairanlah jika ibu bapa bertungkus-lumus mengajar kemahiran membaca kepada anak-anak mereka. Kebolehan membaca pada peringkat awal ini sering dijadikan kayu ukur untuk menguji kecerdikan seseorang murid.

Sealiran dengan inisiatif-inisiatif baharu Kementerian Pendidikan Singapura (MOE), pedagogi yang diusulkan ini mewujudkan peluang bagi penggabungjalinan kemahiran-kemahiran bahasa serta penerapan kemahiran abad ke-21 dalam diri murid. Masa yang diperuntukkan untuk murid belajar secara kendiri ditingkatkan. Para guru digalakkan untuk memanfaatkan penggunaan ICT untuk meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran bahasa Melayu serta kemahiran bahasa mereka dalam sekitaran Web 2.0. Pelantar-pelantar yang diperkenalkan menyajikan bahan-bahan relevan yang membenarkan pembelajaran, pengayaan dan penilaian formatif dijalankan selaras dengan prinsip-prinsip kurikulum bahasa Melayu di Singapura. Penerapan kemahiran hidup dan insaniah juga dapat disisipkan dalam setiap pelajaran yang menggalakkan pembelajaran secara kendiri dan kolaboratif.

## **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti manfaat portal 10'M Aksara sebagai wadah untuk murid menggunakan bahasa Melayu secara autentik dan interaktif dalam sekitaran web 2.0. bahasa Melayu di peringkat darjah rendah. Khususnya, kajian ini dijalankan untuk melihat:

- a. keberkesanan 10'M Aksara dalam pengajaran bacaan untuk murid tahap 1 dan murid tahap 3
- b. keberkesanan 10'M Aksara sebagai bahan pengajaran asas yang digandingkan dengan bahan MEKAR untuk meningkatkan kemahiran mendengar dan membaca

## **Permasalahan Kajian**

Dengan kewujudan pelbagai teknologi yang menggalakkan para guru menerapkan kemahiran ICT dalam pengajaran bahasa Melayu bagi menyokong pembelajaran murid, tumpuan utama dalam pengajaran dan pembelajaran, iaitu pemerolehan kemahiran mendengar dan membaca dalam kalangan murid peringkat awal sekolah rendah perlu dilaksanakan dan tidak boleh diabaikan dengan sewenang-wenangnya.

Penilaian yang tidak melibatkan murid secara aktif serta pengendalian aktiviti-aktiviti di dalam bilik darjah yang berpusatkan guru, akan menghambat proses penyampaian ilmu kepada murid dan menunjukkan ketidakrelavenan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **Kajian Lepas**

Caladine (2008) menyarankan lima kategori aktiviti yang dapat dijalankan untuk menentukan kemudahan ICT yang berkesan untuk proses penyampaian ilmu. Pengkaji

menitikberatkan beberapa faktor yang merangkumi kelima-lima kategori iaitu:

1. penyampaian bahan pengajaran (oleh guru);
2. penggunaan bahan pengajaran dengan berkesan (oleh murid);
3. interaksi dengan guru (oleh murid);
4. interaksi antara murid; dan
5. pembelajaran secara kooperatif (oleh murid).

Sebuah rangka kerja yang mendasari '*The Six Elements of a Quality Learning Experience*' (SEQLE) atau enam unsur yang membentuk pengalaman pembelajaran yang berkualiti, jika dijalankan, akan mewujudkan suasana pembelajaran yang menawan, autentik dan menggalakkan pemerolehan ilmu pengetahuan secara kendiri serta pembelajaran sepanjang hayat. Keenam-enam elemen ini harus diberikan penekanan yang seimbang untuk menghasilkan pengalaman pembelajaran yang memuaskan.

Lewis dan Lindsay (2000) merujuk kepada tinjauan lisan yang dibuat ke atas murid-murid sekolah rendah di negara-negara barat dan mendapati bahawa sikap mereka terhadap membaca menjadi semakin negatif apabila usia meningkat. Ini dikaitkan dengan kelemahan menguasai kemahiran membaca, yang menjadikan murid berasa rendah diri dan menghambat minat masing-masing untuk terus membaca.

Margaret Meek (1987) mengesahkan bahawa untuk memperoleh pengalaman membaca yang menyeronokkan, seorang kanak-kanak itu memerlukan tiga perkara penting iaitu bahan bacaan, seseorang yang dapat meluangkan masa membaca dan kenikmatan yang dikongsi bersama-sama. Selain itu, proses ini perlu dimulakan pada peringkat usia yang awal dan diteruskan sehingga murid itu meninggalkan bangku sekolah.

## Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan kuantitatif dan kualitatif. Guru mengumpul data kajian melalui penilaian berterusan, tugasan yang diberikan kepada murid dan kaedah penilaian. Tugasan dan kaedah ini termasuklah sesi bacaan yang dijalankan mengikut jadual dan dalam situasi formal, rakaman bacaan dan rakaman lisan dalam talian.

## Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 20 orang murid Darjah Dua yang mempunyai pencapaian yang berbeza. Sebanyak 25% daripada murid agak lemah dalam kemahiran membaca manakala 55% murid berada di tahap sederhana. Murid dalam golongan sederhana ini dapat menyebut susunan rangkai kata dengan gaya yang betul hampir setiap masa. Selebihnya iaitu 20% orang murid merupakan murid-murid yang sudah lancar membaca ayat-ayat kompleks menggunakan intonasi yang sesuai. Namun begitu, keupayaan mereka masih boleh dipertingkat dengan mendedahkan mereka kepada pelbagai jenis teks.

## Instrumen Kajian

Berpandukan inisiatif MOE ‘Kurangkan Mengajar, Lebihkan Belajar’ yang ingin meningkatkan keupayaan murid belajar secara kendiri di bilik darjah serta menggalakkan penggunaan ICT untuk membolehkan pembelajaran berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja, sebuah web portal telah dibina dan disediakan oleh pihak *Educational Technology Division* (ETD) untuk memastikan penerapan ICT berlaku dalam pengajaran dan pembelajaran.

Portal 10'M Aksara direka agar para guru dapat menyesuaikan pengajaran mengikut konteks kurikulum C2015 yang ingin membentuk individu yang berkeyakinan, murid

terarah kendiri dan penyumbang yang aktif di kalangan individu-individu yang masih berada di bangku sekolah.

Program pembelajaran dan pengajaran bahasa Melayu yang berteras ICT ini merangkumi 50% aktiviti berpandukan guru waktu bilik darjah, 25% bacaan ekstensif waktu bilik darjah dan 25% aktiviti menulis atau bertutur waktu bilik darjah. Setiap murid mempunyai akaun sendiri. Pada setiap pelajaran, murid akan mengklik ikon ‘Tong Kerja’ di lelaman individu dan memilih bahan bacaan yang telah ditetapkan guru.

Dalam kajian ini, guru telah menggunakan bahan bacaan ekstensif yang terdiri daripada pelbagai jenis petikan bacaan yang bertemakan topik-topik yang terdapat di dalam buku teks dan buku aktiviti MEKAR dan fungsi rakaman lisan dalam talian. Fungsi ini membenarkan murid untuk merakamkan bacaan mereka seperti yang ditugaskan oleh guru. Murid-murid kemudian dapat mendengar rakaman rakan-rakan sedarjah mereka dan memberikan komen menerusi portal tersebut. Untuk membantu mereka yang mempunyai tahap pencapaian rendah dalam kemahiran membaca, bahan bacaan itu mempunyai fungsi yang memberikan peluang untuk murid menyebutkan perkataan mengikut suku kata. Suku kata akan bertukar warna ala ‘karaoke’ untuk murid jadikan sebagai panduan membaca.

Pengumpulan data dijalankan mengikut skala ukuran global 5 mata untuk menentukan profil dan tahap murid dalam kemahiran membaca. Pada setiap pengajaran ICT ini, guru akan mencatatkan gred berdasarkan kebolehan murid membaca bahan bacaan yang diperuntukkan. Guru juga mengisi borang anekdotal untuk murid yang menghadapi masalah membaca bahan bacaan yang terdapat di portal itu, bagi mereka yang menunjukkan pencapaian yang cemerlang dari masa ke semasa.

Borang penilaian kendiri juga digunakan oleh murid supaya mereka dapat membuat refleksi berdasarkan bacaan mereka. Pada setiap tiga atau empat minggu, guru memerhatikan kesemua strategi yang diperincikan dalam program pembelajaran dan pengajaran ini dan menggunakan senarai semak untuk mengetahui pencapaian setiap murid setelah menjalani latihan ekstensif ini.

### Prosedur Kajian

Kajian ini dijalankan selama sepuluh minggu pada waktu kurikulum bahasa Melayu. Ujian diagnostik telah dijalankan sebelum program ini dimulakan. Semua murid diberikan petikan bacaan yang sama dan mereka dikehendaki membaca ayat-ayat yang terdapat di dalam petikan itu berdasarkan kemahiran membaca yang telah diterapkan dalam diri masing-masing sepanjang masa ketika berada dalam darjah satu. Ujian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana kemampuan mereka dalam membaca dengan menggunakan sebutan yang tepat serta intonasi dan nada yang sesuai.

Pelajaran-pelajaran yang dijalankan dalam jangka masa sepuluh minggu ini melibatkan murid dalam aktiviti-aktiviti berpandukan guru dan juga berpusatkan murid.

Dengan adanya pelbagai jenis teks bacaan yang disediakan mengikut unit-unit di dalam buku MEKAR, guru juga dapat menjalankan pengajaran pembezaan. Seperti yang sedia maklum, hasil pembelajaran yang bertahap menggalakkan pelibatan murid secara aktif demi memaksimumkan potensi mereka dalam kemahiran yang ingin diuji. Melalui portal 10'M Aksara ini, guru telah memberi tugasan yang berbeza kepada murid mengikut tahap kebolehan mereka.

Aktiviti berpandukan guru dikendalikan dengan beberapa tujuan iaitu untuk mencapai objektif pembelajaran tertentu, menukil pengetahuan sedia ada murid dan menyajikan bahan-


bahan yang relevan dengan pengalaman murid. Oleh sebab hampir 50% masa diperuntukkan untuk guru menjalankan aktiviti-aktiviti ini, murid tidak akan tersasar daripada matlamat pembelajaran mereka. Pada waktu ini, murid menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan dan nilai-nilai moral yang cuba disisipkan dalam pembelajaran yang disampaikan.

Bagi aktiviti berpusatkan murid, murid membaca petikan yang telah ditugaskan kepada mereka mengikut tahap. Portal ini menyediakan fungsi yang membenarkan murid untuk mendengar rakaman bacaan supaya dapat dijadikan contoh kepada murid. Fungsi ini amat berkesan terutama sekali untuk mereka yang lemah dalam kemahiran membaca dan tidak pasti cara-cara untuk menyebut rangkai kata yang tertentu. Murid juga dapat memainkan rakaman itu semula mengikut keselesaan sendiri.

Bagi murid yang lemah, guru telah mendapatkan bantuan rakan yang berada di Tahap 2 atau Tahap 3 untuk membimbing mereka mengenal pasti cara menyebut perkataan-perkataan dengan betul. Selain itu, murid juga telah berpeluang untuk melalui beberapa sesi rakaman lisan dalam talian. Rakan-rakan sedarjah berpeluang untuk mendengar dan memberi komen kepada murid yang membuat rakaman itu. Rakaman yang dihasilkan itu telah digunakan sebagai bahan penilaian untuk guru memberikan gred dan maklum balas berdasarkan pencapaian murid dalam jangka masa tersebut.

Pada akhir pembelajaran, murid akan menilai diri masing-masing setelah melalui proses pembelajaran pada hari itu. Mereka telah diterangkan cara untuk menggunakan borang penilaian kendiri yang telah disiapkan itu dan diberitahu untuk menilai dengan jujur agar guru dapat mengenal pasti murid yang memerlukan lebih perhatian supaya dapat membantunya.


Gambar 1: Bahan Bacaan Mengikut Topik di Dalam Buku




Gambar 2: Ilustrasi yang Berwarna-warni MEKAR.



Gambar 3: Guru Dapat Menentukan Arahan Berbeza-beza




Gambar 4: Tugasan Diberikan Mengikut Tahap Kemampuan Murid



Gambar 5: Setiap Murid Mempunyai Akaun Sendiri.



Gambar 6: Membaca Mengikut Suku Kata



## Dapatan Kajian

Berdasarkan penilaian yang dibuat oleh guru secara eksplisit dan penilaian kendiri murid menunjukkan kesan yang positif terhadap perkembangan kemahiran membaca murid. Dari masa ujian diagnostik pertama dijalankan untuk mengenal pasti pencapaian murid dalam kemahiran membaca, sehinggalah berakhirnya sepuluh minggu yang diperuntukkan untuk kajian ini dijalankan, dapat dilihat peningkatan yang konsisten dari segi kebolehan murid membaca ayat-ayat dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul. Selain itu, guru dapat bahawa pendedahan murid kepada berlainan jenis prosa berbentuk cerita pendek, prosa fakta, cerita teladan serta bahan bacaan yang merupakan pantun, meningkatkan minat mereka untuk membaca dengan lebih lanjut supaya dapat mengetahui kesudahannya.

Semangat gigih murid-murid ini amat membanggakan kerana mereka menumpukan perhatian sepenuhnya kepada tugas yang diberikan. Bahan bacaan ekstensif itu juga mengandungi gambar-gambar yang menarik dan berwarna-warni dan telah berjaya memikat hati para murid.

Bahan bacaan ekstensif ini juga dijadikan bahan asas untuk mengukuhkan pengetahuan mereka tentang konsep-konsep yang terdapat di dalam sukan pengajaran bahasa Melayu peringkat darjah dua. Petikan-petikan yang terdapat di dalam portal ini dapat menarik mereka dan menambahkan lebih ilmu pengetahuan. Melalui pemerhatian guru, murid lebih yakin menjawab latihan-latihan di dalam buku aktiviti MEKAR berbanding sebelum ini. Bahan yang terdapat di dalam portal ini telah membina pengetahuan asas murid dan membuat pelajaran lebih bermakna.

Berdasarkan data yang dikumpul pada awal program itu dimulakan, murid-murid Tahap 1 masih mengalami kesukaran membaca dengan lancar. Ini menghambat minat dan keyakinan


mereka untuk terus mengalami keseronokan dalam membaca. Murid-murid Tahap 2 juga masih belum dapat menyesuaikan diri dengan tahap kesukaran bahan bacaan ekstensif yang diberikan.

Namun pada minggu keempat berikutnya, apabila murid sudahpun selesa bekerjasama dengan pasangan masing-masing (untuk murid Tahap 1) dan semakin biasa dengan genre teks yang dikemukakan, murid menunjukkan kemajuan yang progresif. Murid-murid juga lebih berkeyakinan untuk cuba membaca petikan dan tidak lagi berasa ragu-ragu.


Pada minggu yang keenam, murid-murid Tahap 1 sudah dapat membaca dengan lancar hampir kesemua perkataan yang terdapat di dalam sepotong ayat itu, berbanding empat minggu sebelumnya. Murid-murid Tahap 2 yang sebelum ini berkebolehan membaca dengan lancar, kini sudah yakin untuk menggunakan nada yang bervariasi bergantung kepada tema petikan yang diberikan. Selain itu, mereka juga menunjukkan peningkatan daripada segi pemahaman teks dan telah berjaya mengenal pasti isi-isi utama dengan mudah.

Manakala itu, terdapat perbezaan yang ketara dalam kalangan murid Tahap 3. Hampir kesemua sudah dapat membaca dengan lancar pelbagai jenis teks termasuk prosa fakta, cerita rakyat dan pantun empat kerat yang terdapat di perpustakaan sekolah. Tambahan pula, pembelajaran dan pengajaran ICT yang mereka lalui selama sepuluh minggu itu telah mendedahkan mereka kepada berbagai-bagai jenis cerita yang mengandungi nilai-nilai moral tinggi seperti kasih sayang, kejujuran, kerajinan, sikap toleransi dalam masyarakat dan berhemah tinggi. Murid-murid kini lebih berilmu dalam pendidikan moral dan mengamalkan tatalaku yang mencerminkan seorang individu yang berpendirian positif

Rajah 1: Peratusan Murid pada Awal Program



Rajah 2: Peratusan Murid Setelah Menjalani Program Selama 8 Minggu



## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, objektif kajian ini telah berjaya dicapai, iaitu melihat keberkesanan portal 10'M Aksara sebagai bahan bacaan untuk murid bahasa Melayu Tahap 1 dan Tahap 3 memaksimumkan potensi mereka dalam bacaan. Peluang untuk bertukar-tukar komen berdasarkan hasil kerja rakan sedarjah meletakkan mereka dalam keadaan yang senantiasa ingin melakukan yang lebih baik lagi untuk tugas yang akan datang.

Selain itu, bahan-bahan bacaan yang terdapat di dalam portal ini telah berjaya untuk menjadi bahan asas pengajaran

untuk kurikulum bahasa Melayu bagi guru dan murid. Meskipun bukan bahan pelengkap untuk pakej bahasa Melayu pagi sekolah rendah, portal ini dilihat sebagai satu platform yang dapat meningkatkan prestasi mereka dalam kemahiran membaca dan mendengar dan memberi murid lebih keyakinan diri untuk membaca bahan-bahan bercetak dan bukan cetak yang lain.

## Rujukan

- Berk, L. E. (2006). *Child Development*. (7<sup>th</sup> ed.). United States of America, USA: Pearson International Edition.
- Caladine R. (2006). *Enhancing E-Learning with Media-Rich Content and Interactions*. IGI Global. UK.
- Lewis, A. dan Lindsay, G. (2000). *Researching children's perspectives*. United Kingdom, UK: Open University Press.
- Margaret Meek (1987). *How Texts Teach What Readers Learn*. Thimble Press. UK.
- Martin, A. dan Madigan, D. (Eds.). (2006). *Digital literacies for learning*. United Kingdom, UK: Facet Publishing.